



MAJLIS PERBANDARAN  
PULAU PINANG

## UNDANG-UNDANG KECIL (TAMAN)

MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG, 1993.



### APA ERTINYA TAMAN?

"Taman" ertiannya dan termasuk kawasan lapang, siarkaki di sekitar tasik, taman rekreasi atau lipur, bulatan lalulintas, pembahagi jalan, bahu jalan, simpanan jalan, anak sungai, sungai, tebing sungai atau sebarang kawasan lain yang disenggarakan atau telah dipindah milik kepada atau diletakkan pada Majlis.

### APAKAH KESALAHAN-KESALAHAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG KECIL INI?

- Menanggal atau mencatatkan sebarang notis atau undang-undang kecil yang dipamerkan.
- Menampal sebarang pemberitahu.
- Merosakkan perkakas taman permainan.
- Membuang / menyebabkan kekotoran.
- Memanjat pokok, tembok atau pagar.
- Menunggang basikal atau kenderaan bermotor.
- Berjalan di atas batas bunga / rumpun pokok.
- Memotong, merosakkan tanaman atau tempat duduk.
- Mengambil apa-apa rumput atau mengorek tanah.
- Membaling / melempar apa-apa batu.
- Mandi di dalam mana-mana tasik / sungai tanpa izin.
- Mengalir apa-apa cecair ke tasik atau sungai.
- Menggunakan sampan atau memancing dalam mana-mana tasik atau sungai.
- Membakar bunga api atau mercun.
- Bermain layang-layang atau bola tanpa izin.
- Menggantung atau menghampar apa-apa kain.
- Menyapu apa-apa debu atau kekotoran.
- Perhimpunan atau perjumpaan tanpa izin.
- Berkelakuan tidak sopan.
- Menghalang yang berkuasa menjalankan tugas.
- Mencuci kenderaan bermotor tanpa izin.



Merosakkan  
Perkakas Taman

### KUASA BERTINDAK

Undang-undang kecil ini memberi kuasa kepada majlis untuk-

- Memindahkan benda, barang atau dagangan seseorang yang melakukan kesalahan.
- Mengusir orang yang melakukan perbuatan yang melanggar mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini.

### PENALTI

Kalau anda disabitkan kesalahan, anda boleh didenda tidak lebih daripada RM2,000.00 atau dipenjara bagi tempoh tidak lebih daripada 1 tahun atau kedua-duanya.

Bagi kesalahan berterusan anda boleh didenda tidak lebih daripada RM200.00 bagi setiap hari ia berterusan.



Menampal  
Pemberitahu

UNTUK MAKLUMAT LANJUT SILA HUBUNGI:-

BAHAGIAN PENGUATKUASA  
MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG  
23 KAMPUNG JAWA BARU  
10150 PULAU PINANG

TEL.NO.: 2291179 / 2266928